

Hasil utama yang dihasratkan di bawah Pelan Hala Tuju PMKS dan MTC ialah jumlah dana sebanyak RM40 bilion yang disasarkan untuk dikumpulkan melalui pasaran modal menjelang tahun 2028. Objektif ini akan dicapai melalui pengenalan rangka kerja baharu, pembangunan infrastruktur pasaran, dan pelaksanaan program pembinaan kapasiti untuk membina saluran rangkaian yang kukuh bagi PMKS dan MTC ke dalam pasaran modal. Sasaran RM40 bilion memerlukan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) kira-kira 46%. Pada tahun 2023, sebanyak RM6.3 bilion telah dikumpul melalui saluran pasaran modal PMKS dan MTC, iaitu Pasaran ACE, Pasaran LEAP, VC, PE, ECF dan pembiayaan P2P.

Kejayaan Pelan Hala Tuju PMKS dan MTC memerlukan kerjasama erat antara pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Kementerian kerajaan yang berkaitan, agensi awam, dan sektor swasta merentasi pelbagai strategi serta inisiatif bersepadu. Sehingga tahun 2024, beberapa kerjasama telah dimulakan, termasuk bersama pasukan Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) MOF, serta melalui pemeteraian MOU dengan SME Corporation Malaysia, Khazanah Nasional, dan Credit Guarantee Corporation Malaysia. SC akan terus menjalinkan kerjasama rapat dengan pihak lain bagi memastikan kejayaan Pelan Hala Tuju PMKS dan MTC.

Pelan Hala Tuju PMKS dan MTC penuh boleh didapati di laman web SC di sini: sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=e9b390ba-f259-4afc-99d6-08b20cf6cf00

PEMBIAYAAN ECF DAN P2P: MEMACU PERTUMBUHAN PMKS DALAM MEMAJUKAN EKONOMI MADANI

Selaras dengan objektif Rangka Kerja Ekonomi MADANI (Ekonomi MADANI) untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih besar, keterangkuman dan kemampuhan, pembiayaan ECF dan P2P terus memainkan peranan penting dalam menyokong keperluan pembiayaan perniagaan di Malaysia dengan menyediakan akses yang dipertingkatkan kepada pembiayaan alternatif. Akses ini penting untuk memupuk daya tahan dan pertumbuhan perniagaan, memandangkan kepentingannya kepada ekonomi negara.

Sehingga Disember 2024, kedua-dua pembiayaan ECF dan P2P telah memudahkan pembiayaan lebih RM9 bilion yang memanfaatkan lebih 20,000 perniagaan merentas pelbagai aktiviti perniagaan. Pada tahun 2024, jumlah dana yang dikumpul mencatat pertumbuhan 18% dengan mencecah RM2.6 bilion [2023: RM2.2 bilion].

Sumbangan pembiayaan ECF dan P2P patuh Syariah kepada jumlah dana yang diperoleh terus meningkat, mencerminkan peningkatan permintaan untuk pilihan pembiayaan Islam. Pada tahun 2024, pembiayaan patuh Syariah menyumbang 30% daripada jumlah dana yang diperoleh berjumlah RM787.6 juta, berbanding 24% (RM524.8 juta) pada tahun 2023. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pasaran pembiayaan P2P.

Perniagaan di luar Lembah Klang secara konsisten memanfaatkan pembiayaan ECF dan P2P bagi memenuhi keperluan kewangan mereka. Pada tahun 2024, 33% daripada perniagaan yang telah mengumpul dana melalui platform pembiayaan ECF dan P2P terletak di luar Lembah Klang [2023: 36%], dengan jumlah dana yang diperoleh secara kolektif berjumlah RM856.6 juta. Perkembangan ini menyerlahkan peranan pembiayaan alternatif dalam menggalakkan keterangkuman kewangan serta menyokong pertumbuhan ekonomi di luar Lembah Klang.

Terutamanya sektor pertanian, telah menyaksikan pertumbuhan yang ketara dalam jumlah yang diperoleh melalui pembiayaan ECF dan P2P. Pertumbuhan ini sejajar dengan usaha untuk menyokong agenda keterjaminan makanan negara dengan menyalurkan dana kritikal kepada perniagaan pertanian. Pada tahun 2024, sektor itu memperoleh RM24.2 juta, peningkatan dua kali ganda daripada RM12.6 juta pada tahun 2023, menunjukkan peningkatan minat dalam pelaburan pertanian sebagai keutamaan negara.

Pada tahun 2024, penurunan sebanyak 5% telah dicatatkan dalam jumlah penyertaan pelabur keseluruhan berbanding tahun 2023. Di sebalik trend ini, pelaburan institusi menunjukkan daya tahan, meningkat sebanyak 23% untuk mencapai RM1.6 bilion. Ini menunjukkan bahawa pelabur institusi semakin menyedari potensi pembiayaan alternatif dalam menawarkan kepelbagaian portfolio pelaburan. Memupuk penyertaan pelabur

institusi yang lebih besar boleh membawa perubahan kepada pasaran pembiayaan ECF dan P2P. Walaupun hanya terdiri daripada 2% pelabur ECF dan P2P, pelabur institusi merupakan 60% daripada jumlah nilai pelaburan keseluruhan dalam pasaran ECF dan P2P pada tahun 2024.

Sebagai sebahagian daripada evolusi yang berterusan landskap pembiayaan alternatif, usaha pada tahun 2024 tertumpu pada pengembangan ke segmen pasaran baharu dan meningkatkan penyertaan pelabur, sejajar dengan Pelan Hala Tuju 5 Tahun PMKS dan MTC SC.

Segmen pasaran yang semakin berkembang

1. Meluaskan pilihan pembiayaan untuk PMKS dan kontraktor kecil yang menyertai kontrak kerajaan

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kebolehcapaian pembiayaan untuk PMKS, SC telah memudahkan penyertaan pembiayaan P2P dalam skim pembiayaan perolehan kerajaan. Skim ini membolehkan pengendali platform pembiayaan P2P yang berdaftar dengan SC menyediakan pembiayaan kepada PMKS dan kontraktor kecil yang terlibat dalam kontrak kerajaan. Lazimnya, perniagaan yang mengambil bahagian dalam kontrak kerajaan bergantung terutamanya kepada bank dan firma pemfaktoran untuk pembiayaan. Skim baharu ini, yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2025, bertujuan untuk mempelbagaikan saluran pembiayaan dan menangani keperluan modal kerja perniagaan kecil dengan lebih baik, terutamanya bagi mereka yang memenuhi kontrak kerajaan di bawah skop bekalan, perkhidmatan atau kerja kontrak.

Skim ini disesuaikan untuk memenuhi keperluan pembiayaan khusus yang dihadapi oleh PMKS dan kontraktor kecil. Ia menawarkan dua pilihan pembiayaan utama: pembiayaan invois, yang menyokong aliran tunai selepas penghantaran kontrak dan pembiayaan untuk pelaksanaan kontrak (pra-pembiayaan). Dengan menangani kedua-dua jenis keperluan pembiayaan, ia menyediakan penyelesaian yang komprehensif untuk meningkatkan aliran tunai bagi kontraktor yang terlibat dalam projek kerajaan.

Sembilan pengendali platform P2P akan menyertai skim ini, dengan tujuh daripadanya menawarkan pilihan pembiayaan patuh Syariah. Inisiatif ini mewakili langkah penting dalam meluaskan ekosistem pembiayaan untuk PMKS dan kontraktor kecil, meningkatkan keupayaan mereka untuk mendapatkan pembiayaan yang diperlukan dan menyumbang secara lebih berkesan kepada projek yang diterajui oleh kerajaan.

2. Pertumbuhan berterusan segmen ECF dan P2P dengan kemasukan pengendali pasaran baharu

Pasaran ECF dan P2P telah menarik minat yang besar daripada pemohon yang ingin menawarkan penyelesaian pembiayaan khusus untuk mempelbagaikan lagi landskap pembiayaan dan pelaburan di Malaysia. Pada tahun 2024, tiga pengendali pasaran yang baru berdaftar memulakan operasi untuk menawarkan pembiayaan Syariah dan pembiayaan berasaskan hutang untuk MTC, memberikan penerbit dan pelabur akses kepada rangkaian tawaran yang lebih pelbagai dalam ruang pembiayaan alternatif.

Mobilasi modal untuk menyokong keperluan pembiayaan keusahawanan dan perniagaan

1. Memacu penyertaan pelabur institusi yang lebih besar dalam pasaran pembiayaan P2P

Dengan peningkatan permintaan daripada perniagaan untuk pembiayaan alternatif, SC telah mendapati kepelbagaian asas pelabur yang lebih besar untuk memenuhi keperluan yang semakin berkembang ini, didorong sebahagiannya oleh peningkatan penyertaan pelabur institusi dalam segmen pembiayaan P2P. Penyertaan pelabur institusi yang lebih besar boleh membawa kepada pasaran pembiayaan P2P yang lebih kukuh, berskala dan berdaya tahan, yang memberi manfaat kepada semua peserta dalam ekosistem.

Untuk memudahkan penglibatan lebih besar pelabur institusi dalam segmen pembiayaan P2P, SC telah menganjurkan perbincangan kumpulan fokus yang mengumpulkan pihak berkepentingan utama daripada pembiayaan segmen P2P, pengurusan dana dan pemegang amanah. Dihadiri oleh lebih 40 peserta, inisiatif ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dan bekerjasama dalam meneroka penyelesaian untuk memudahkan penyertaan institusi yang lebih besar dalam pasaran pembiayaan P2P. Antara lain, peserta menekankan kepentingan mewujudkan metodologi penilaian standard merentas pelbagai produk P2P untuk penetapan harga yang adil dan membincangkan instrumen pelaburan pilihan bagi memudahkan pelaburan P2P. Sesi ini juga menekankan keperluan berterusan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pembiayaan P2P dalam kalangan pelabur institusi untuk meluaskan lagi penyertaan pasaran.